



ISM EXECUTIVE TALK
DAN PELANCARAN BUKU
MENJUNJUNG LEGASI KEPIMPINAN WANITA
KPWKM

TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

'H.E.M.A.T.: PENUHI ASPIRASI, PENCAPAIAN
DIRASAI'

TARIKH : 28 MEI 2024 (SELASA)
TEMPAT : DEWAN INTELEK
INSTITUT SOSIAL MALAYSIA
(ISM), KUALA LUMPUR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI.

Terima kasih kepada Tuan Sayed Munawar bin Sayed Mustar,
selaku moderator Bicara Eksekutif pada hari ini.

SALUTASI

[Salutasi disediakan berasingan]

UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berkumpul dalam program **ISM Executive Talk dan Pelancaran Buku Menjunjung Legasi Kepimpinan Wanita KPWKM di Institut Sosial Malaysia** pada hari ini.
2. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran dan komitmen YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato'/Dr./Tuan/Puan di dalam program ini.
3. Tidak lupa juga, ucapan tahniah dan terima kasih saya tujukan ke Institut Sosial Malaysia (ISM) di bawah

kepimpinan Pengarah ISM iaitu YBrs. Dr. Faridah binti Awang, yang telah bertungkus-lumus menjayakan program pada hari ini.

4. Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk berkongsi kefahaman saya mengenai aspirasi dan hala tuju negara era kini. Justeru, nilai-nilai baharu penjawat awam yang saya perkenalkan pada Februari lalu akan turut saya kupas dalam pembentangan bertajuk “**H.E.M.A.T.: Penuhi Aspirasi, Pencapaian Dirasai**”.

MALAYSIA MADANI DAN THE G.R.E.A.T. CIVIL SERVICE

YBhg. Tan Sri/Dato’ Sri/Dato’/Dr./Tuan/Puan sekalian,

5. Apabila YAB Perdana Menteri mengambil alih tampuk pemerintahan, beliau telah memperkenalkan dasar baharu iaitu **Malaysia MADANI**. Sebanyak enam rukun telah digariskan, iaitu **Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan**. Saya percaya, semua di kalangan kita pada hari ini telah maklum mengenai matlamat yang disasarkan oleh dasar ini.
6. Sebagai langkah kesejahteraan rakyat, Kerajaan seterusnya melancarkan Dokumen **Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat**. Dasar ini bertujuan untuk menstrukturkan semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sebanyak tujuh (7) sasaran jangka sederhana telah ditetapkan, yang mana dilaksanakan melalui pendekatan **Whole-of-Nation** melibatkan penyertaan rakyat, Kerajaan dan industri. Bagi mencapai

sasaran ini, sebanyak tiga (3) teras strategik telah digariskan berdasarkan **Kerangka Strategik Malaysia MADANI**.

7. Dalam sektor Perkhidmatan Awam, teras strategik kedua iaitu **“Reformasi Institusi dan Tatakelola”** perlu kita fahami dan hayati bersama. Antara sasaran teras strategik ini adalah untuk **memperkuh perundangan** bagi menangani **isu rasuah**, meningkatkan **keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan bajet dan pengurusan projek**, menyegerakan **transformasi digital**, serta menambah baik **kemampanan fiskal**.
8. Sebagai Penjawat Awam, kita perlu sentiasa peka dengan dasar dan hala tuju kepimpinan negara. Cara kerja kita tidak lagi boleh dibelenggu dengan amalan lapuk dan ketinggalan zaman. **“Pemikiran di luar kotak”** merupakan budaya baharu yang perlu kita pupuk, agar keberhasilan tugas kita sentiasa segar dan menepati kehendak pemegang taruh dan pelanggan.
9. Suka untuk saya berkongsi komitmen yang diperlihatkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) sejak dilantik pada tahun 2020. Sebanyak empat (4) aspirasi telah diketengahkan beliau bagi menyesuaikan perubahan kepimpinan dan kehendak semasa. Unikny, kesemua aspirasi yang anda lihat pada skrin merupakan strategi ampuh bagi situasi spesifik untuk menangani **krisis keyakinan, pandemik Covid-19 dan mekanisme untuk menjayakan agenda Kerajaan**.
10. Dan dalam Amanat YBhg. Tan Sri KSN pada 13 Februari lalu, beliau turut menyebut **“Kitalah Benteng Negara”**.

Frasa ini sememangnya amat dalam maksudnya. Ia menganjurkan kita untuk bersama-sama mengerah segala keringat dan kepakaran untuk **membangunkan Malaysia** yang kita cintai, dan pada masa yang sama **mempertahankan kedaulatan negara** daripada sebarang anasir luar.

CABARAN TREND MEGA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Sidang hadirin yang saya muliakan,

11. Sama ada kita sedar ataupun tidak, **Cabaran Megatrends** merupakan ancaman marcapada ini. Sebanyak lima (5) kategori cabaran telah dikenal pasti iaitu **Perubahan Iklim, Era Pasca Pembangunan, Keterasingan Sosial, Konfrontasi Multilateralisme dan Kecerdasan Buatan (AI) Generatif**. Kesemua cabaran ini mampu memberikan impak negatif terhadap aspek keselamatan, ekonomi, kesihatan dan kestabilan politik di sesebuah negara, dan tidak terkecuali Malaysia.
12. Sekiranya kita bersikap **“tidak acuh”** atau **“tidak bijak”** untuk menanganinya, impak negatif daripada kesemua cabaran ini amat sukar untuk ditelan. Lihat sahaja **fenomena pandemik Covid-19** yang melanda dunia sebelum ini. Meskipun prestasi kewangan negara mula menunjukkan graf positif, namun perlu diakui kita cukup terkesan dengan impak negatif pandemik tersebut terhadap pertumbuhan ekonomi negara.
13. Justeru, kesemua cabaran yang saya sebutkan tadi **tidak boleh dipandang enteng** dan perlu segera **diikhtiarkan**

sesuatu. Menyedari akan ancaman ini, **Sesi Permukiman Jemaah Menteri** pada Januari lalu turut memperhalusi pendekatan dan strategi Kerajaan dalam menangani cabaran-cabaran tersebut.

14. Saya ingin mengajak perhatian anda semua kepada **Cabaran Megatrends** dalam konteks **Perkhidmatan Awam** di Malaysia. YBhg. Tan Sri KSN telah mengenal pasti sebanyak empat (4) cabaran iaitu **Perpecahan (*Fragmentation*)**, **Ketidakseimbangan (*Disequilibrium*)**, **Persaingan (*Contestation*)** dan **Penyesuaian (*Adaptation*)**.
15. Sehubungan itu, saya menyeru agar **kepimpinan sektor awam** harus peka dengan kesemua cabaran tersebut, serta kesannya kepada Perkhidmatan Awam di Malaysia. Sebagai reaksi segera, sebanyak empat (4) strategi perlu kita lakukan.
16. Pertama. Kita perlu segera **membangunkan kompetensi baharu** yang celik digital dan data. Sudah sampai masanya, kita patut meneroka **kompetensi sejagat** yang fleksibel merentas pelbagai pekerjaan, industri dan konteks. Kompetensi ini **tidak spesifik kepada hanya satu bidang tugas** sahaja, tetapi boleh **disesuaikan dalam pelbagai peranan dan situasi**.
17. Kedua. Kita perlu memperkukuh **kebijaksanaan emosi**. Dalam konteks ini, kepintaran bukanlah segala-galanya. Untuk menghasilkan sesuatu tindakan yang bijak, seseorang individu juga perlu mempunyai kebijaksanaan emosi.

18. Ketiga. Kita perlu **mereka bentuk semula organisasi** agar sistem penyampaian perkhidmatan lebih cekap dan sentiasa relevan. Sebagai memastikan organisasi awam dapat beroperasi dengan berkesan, ia memerlukan kepimpinan, budaya, tadbir urus dan proses yang betul bagi menyusun semula strategi, serta menguruskan belanjawan dan perkhidmatan dengan berhemah.
19. Hal ini bertepatan dengan saranan oleh **Global Government Forum** pada 2020. Organisasi awam dianjurkan untuk menerapkan **pemikiran yang bersesuaian** secara berterusan, **menyusun semula budaya pemikiran dan bekerja**, serta mewujudkan **rangka kerja fleksibel** bagi merangsang elemen perubahan dalam budaya kerja.
20. Dan yang keempat. Kita perlu **membangunkan model kepimpinan baharu** yang bersifat kolaboratif dan inklusif. Hal ini turut diakui dapatan kajian oleh **Asian Development Bank**, yang menyatakan bahawa prestasi kerajaan dipengaruhi kuat oleh kualiti dan kebolehan pemimpin sektor awam. Pemimpin sektor awam seharusnya mempunyai **kebijaksanaan politik di samping menguasai birokrasi perkhidmatan awam** dan memahami harapan rakyat.

TUJUH CABARAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI MENJAYAKAN DASAR-DASAR NEGARA

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato'/Dr./Tuan/Puan yang saya hormati
sekalian,

21. Secara khususnya, sebanyak **tujuh (7) cabaran utama** dihadapi oleh Perkhidmatan Awam di Malaysia. Sebagai memudahkan lagi kefahaman kita, saya kelompokkan kesemua cabaran ini dalam empat kategori mengikut kesesuaian tema.
22. Kategori pertama adalah **bakat dan modal insan**, yang melibatkan **dua (2) cabaran utama**. Sesebuah organisasi yang menghadapi masalah **modal insan yang kurang kompeten** tidak berupaya untuk memenuhi kehendak pelanggan dan keperluan semasa. Selain itu, organisasi juga terkekang untuk **menarik dan mengekalkan bakat terbaik**. Hal ini merujuk kepada masalah pusing ganti (*turnover*) pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran tertentu ke sektor lain seperti swasta, yang tentunya dipengaruhi dengan tawaran gaji yang lebih lumayan.
23. Mungkin, sudah sampai masanya kita perlu mewujudkan **suasana kerja yang lebih fleksibel**, serta berusaha untuk meningkatkan pembangunan kerjaya sektor Perkhidmatan Awam dari sudut **peningkatan kemahiran atau *upskilling* dan pemahiran semula atau *reskilling*** yang dapat memberikan nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan.
24. Kategori kedua adalah **fungsi dan sistem penyampaian perkhidmatan**, yang melibatkan **tiga (3) cabaran utama**. Sememangnya, wujud **jurang antara kementerian dan jabatan** yang bekerja secara silo dan tiada penyelarasan. Malahan, **organisasi yang tidak kejut** menyebabkan berlaku pertindihan fungsi dan tugas. Selain itu, sistem penyampaian perkhidmatan awam masih dibayangi kaedah **konvensional** kerana inisiatif pendigitalan

penyampaian perkhidmatan masih belum dilaksanakan secara menyeluruh.

25. Saya amat berkeyakinan, **budaya silo ini akan dapat kita kikis** sepenuhnya. Pengalaman lalu telah membuktikan bahawa kita mampu menjalinkan **kerjasama strategik antara organisasi** dalam menyelesaikan tugas. Lihat sahaja bagaimana tembok silo organisasi awam berjaya diranapkan keseluruhannya ketika Perkhidmatan Awam diberikan kepercayaan oleh Kerajaan untuk mengendalikan situasi pandemik Covid-19.
26. Sampaikanlah aspirasi saya ini kepada pegawai seliaan kita kerana kita tidak akan mampu mengubah dunia sendirian tanpa komitmen dan kerjasama sebagai pasukan yang besar dan hebat. ***“If you want to go fast, go alone. If you want to go far, go together”***. Marilah kita bersama-sama mencipta kejayaan.
27. Kategori ketiga pula adalah berkaitan dengan aspek **integriti**. Sudah sekian lama, imej Perkhidmatan Awam terpalit dengan isu integriti dan akauntabiliti, yang melibatkan pelbagai lapisan birokrasi. Justeru, saya mengajak hadirin sekalian untuk bersama-sama membanteras **rasuah sehingga ke akar umbi** serta menggerakkan **inisiatif-inisiatif baharu yang lebih berkesan** dalam menangani isu integriti di organisasi masing-masing. Malah, ketegasan ini sekali lagi disuarakan oleh YAB Perdana Menteri semasa **Perutusan Negara** pada 21 Mei lalu.
28. Dan kategori keempat pula adalah berkaitan **bebanan kewangan kepada Kerajaan**. Sejak kebelakangan ini, isu

pencen Penjawat Awam menjadi panas dan sering diperdebatkan oleh pelbagai pihak. Dari lensa penilaian kerajaan, **tanggungan pencen** sudah mencecah angka **RM32 bilion, dan akan terus meningkat** saban tahun. Justeru, tindakan segera perlu diambil untuk mereformasi skim pencen sedia ada. Sudah tentu kita tidak mahu negara kita berisiko muflis dan natijahnya perlu ditanggung oleh generasi masa hadapan.

FAKTA DAN DATA MENGENAI CABARAN PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

29. Ingin saya kongsi beberapa fakta dan data bagi mengukuhkan hujah saya tadi. Daripada segi keperluan kompetensi, kajian-kajian lepas menemukan wujudnya keperluan peningkatan kemahiran pekerja selaras dengan keperluan semasa.
30. Umpamanya, kajian ***Asia Pacific Workforce Hopes and Fears Survey 2023*** mendapati sebanyak **59 peratus responden** daripada pekerja Malaysia mengatakan bahawa pekerjaan mereka **memerlukan latihan pakar**. Kajian ini juga mendapati **50 peratus** responden bersetuju bahawa **bidang AI dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan** mereka. Meskipun bidang AI ini masih lagi baharu menjadi perhatian umum, namun ia sudah memperlihatkan kepentingannya dalam sektor pekerjaan.
31. Manakala, laporan ***The Future of Jobs 2023*** oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) mendapati hanya **separuh daripada pekerja mempunyai akses kepada peluang**

latihan yang mencukupi. Situasi ini memberikan suatu gambaran bahawa **Kerajaan dan swasta perlu berganding bahu** bagi menyediakan kemudahan latihan yang mencukupi dan bersesuaian dengan tuntutan kompetensi jawatan mereka.

32. Cuba kita renungkan sejenak, seberapa pantas evolusi dan inovasi teknologi era kini. Dalam sektor Kerajaan, penyampaian perkhidmatan kita telah mula beralih kepada **“secara hujung ke hujung”, atau *End-To-End (E2E)***. Contoh perkhidmatan tersebut adalah seperti pembayaran bil, permohonan nikah, penetapan janji temu urusan kesihatan, permohonan lesen perniagaan, permohonan passport dan banyak lagi. Dan saya percaya, perkhidmatan secara E2E ini akan terus berkembang dalam sedikit masa lagi.
33. Perkembangan ini turut disokong oleh dapatan **Kajian Pengguna Internet 2022** oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Sebanyak **41.2 peratus rakyat Malaysia** menggunakan **internet untuk berurusan dengan Kerajaan**. Pada masa yang sama, **92 peratus responden** menggunakan **internet bagi mendapatkan maklumat**. Data ini menunjukkan terdapatnya permintaan supaya penyampaian perkhidmatan secara konvensional perlu digantikan dengan kaedah yang berteraskan teknologi terkini.
34. Justeru, dalam kesempatan ini saya ingin melontarkan **cabaran kepada semua Institut Latihan Awam (ILA)** contohnya seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Institut Perakaunan Negara, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dan Institut Sosial Malaysia

(ISM). Anda semua perlu tampil secara berani dan kreatif bagi **menawarkan lebih banyak program pembangunan kompetensi Penjawat Awam** yang segar dan seiring dengan peralihan zaman.

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato'/Dr./Tuan/Puan sekalian,

35. Suka saya memetik kata-kata oleh **Peter Drucker**, yang merupakan antara sarjana tersohor dalam bidang pengurusan. Ungkapan beliau, ***“Efficiency is doing things right, effectiveness is doing the right things”***.
36. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, konsep **kecekapan dan keberkesanan ini perlu berjalan seiring** bagi mendapatkan hasil yang maksimum dan seterusnya **menepati ekspektasi rakyat dan aspirasi pemegang taruh**. Walaupun terpalit dengan stigma negatif yang bersandarkan kepada persepsi, beberapa data dan fakta yang akan saya kongsi akan memperlihatkan bahawa kita telah mula kembali ke landasan yang betul.
37. Berdasarkan survei oleh **Institut Tadbir Urus Chandler**, Malaysia berjaya menempatkan diri pada **ranking ke-33** dalam senarai ***Good Governance Index (GGI)*** pada **2023**. Prestasi kita adalah jauh lebih baik berbanding beberapa buah negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Thailand, Vietnam dan Filipina.
38. Antara faktor penyumbang kepada pencapaian ini adalah strategi Kerajaan melaksanakan pendekatan menyeluruh atau ***Whole-of-Government*** yang diaplikasikan secara holistik di semua Kementerian/Jabatan/Agensi. Hal ini turut diakui oleh **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu**

melalui **Department of Economic and Social Affairs (UNDESA)**. Daripada tujuh (7) manfaat yang digariskan, kesemuanya tertumpu kepada elemen penyelarasan dan penggunaan sumber secara cekap dan berkesan.

39. Dari sudut integriti pula, perkembangan terkini sedikit melegakan. Berdasarkan laporan oleh Transparency International Malaysia (TI-M), skor Malaysia dalam **Indeks Persepsi Rasuah (CPI)** telah mencapai **50 mata pada 2023**. Namun, jika dibandingkan bagi tempoh lima (5) tahun, skor terbaik yang pernah kita capai adalah pada 2019.
40. Lihat pula kepada **statistik tangkapan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**. Sebagai perbandingan, jumlah **tangkapan Penjawat Awam** (untuk tempoh Januari hingga Februari) pada **2024 menurun kepada 74 orang, berbanding dengan 99 orang pada 2023**. Kontradiksinya, Laporan **Global Edelman Trust Barometer** mendapati **tahap kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan merosot kepada 54 peratus pada 2023 berbanding 62 peratus pada tahun sebelumnya**. Hal ini memperlihatkan bahawa masih banyak lagi usaha perlu kita gembelngkan bagi memerangi rasuah ini secara habis-habisan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

41. Satu lagi input yang ingin saya utarakan adalah mengenai landskap demografi di Malaysia. Merujuk kepada laporan oleh **Bank Dunia**, Malaysia menuju kepada **ageing society**. **Menjelang 2043**, dijangka **warga emas** akan meningkat kepada **40 peratus**. Perinciannya, penduduk

yang berumur **66 tahun dan ke atas akan bertambah kepada 5.6 juta orang**. Pada masa yang sama, seramai **27.3 juta orang** (yang berumur 15 hingga 64 tahun) akan menjadi **penduduk yang aktif bekerja**.

42. Situasi ini memberikan bayangan bahawa komitmen kewangan Kerajaan akan terus meningkat. Dianggarkan sejumlah **RM900 juta** diperlukan bagi menampung **pembiayaan bagi penjagaan warga emas**.

43. Justeru, bertepatan dengan tajuk pembentangan saya pada hari ini, kita sebagai Penjawat Awam perlu memainkan peranan penting untuk **terus giat berusaha bagi meningkatkan hasil pendapatan negara** dalam menjana **kemakmuran yang dapat dirasakan oleh rakyat**. Satu elemen yang perlu kita terapkan adalah dengan **mengubah nilai-nilai dalam diri kita, agar bersesuaian dan memenuhi aspirasi Kerajaan**.

H.E.M.A.T.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

44. Saya telah memperkenalkan **H.E.M.A.T. sebagai suatu nilai baharu** yang seharusnya dipegang oleh semua Penjawat Awam. Secara mudahnya, H.E.M.A.T. ini bermaksud kita perlu **berjimat-cermat dalam membelanjakan dana awam**, dan pada masa yang sama menjalankan tugas dengan penuh **penelitian dan pengamatan**. Akronim H.E.M.A.T. ini merangkumi **Hijrah Tata Kelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran**.

45. Daripada segi **Hijrah Tata Kelola**, kita perlu sentiasa **berani untuk berubah** sama ada daripada **aspek prosedur, cara bekerja dan jalinan komunikasi**. Manakala, **Empati Rakyat** pula menuntut agar kita sentiasa untuk **cakna dan prihatin terhadap segala permasalahan rakyat**.
46. **Minda Pekin** pula menganjurkan kita untuk **bersikap cermat**, serta berfikiran kreatif untuk **mendaya upayakan segala sumber** melalui kerjasama strategik antara organisasi. Seterusnya, **Apresiasi Inovasi** mengehendaki kita untuk **meneroka inisiatif digital baharu** bagi menambah baik kualiti perkhidmatan. Hal ini bertepatan dengan agenda negara yang mula beralih kepada teknologi AI.
47. Nilai terakhir adalah **Telus Tadbiran**. Para Penjawat Awam adalah diseru untuk **menerapkan integriti** dalam diri, membudayakan amalan **semak dan imbang**, serta **terbuka kepada pandangan luar** yang boleh menambah baik mutu perkhidmatan.
48. Bagi membolehkan H.E.M.A.T. dilaksanakan, kita perlu sentiasa mengamalkan tiga (3) prinsip iaitu **Memudahkan (Facilitate), Menyesuaikan (Accommodate), dan Menyegerakan (Accelerate)**.
49. Kita perlu **memudahkan segala urusan** sama ada dengan **pemegang taruh ataupun pelanggan**. Kita juga seharusnya **menyesuaikan cara bekerja** agar bertepatan dengan **agenda Kerajaan**. Dan, kita juga sentiasa meletakkan keutamaan untuk **menyegerakan**

pelaksanaan tugas supaya kesannya dapat dinikmati oleh rakyat.

APA H.E.M.A.T. KITA?

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri'/Dato'/Dr./Tuan/Puan sekalian,

50. Sebagai mengaplikasikan H.E.M.A.T. ke dalam organisasi, terdapat dua (2) peranan yang seharusnya dilakukan oleh pemimpin dan pekerja.
51. Sebagai pemimpin, kita seharusnya menjadi tenaga penggerak bagi **meneraju sebarang perubahan**. Untuk itu, kita perlu untuk menjadi sebagai **pendengar yang baik**, bijak dalam **mengoptimumkan sumber** yang ada, aktif dalam **mengilhamkan idea-idea** baharu, dan terlibat dalam **menggubal undang-undang atau peraturan** baharu. Dengan kata lain, seseorang pemimpin itu perlu menjadi **role model** kepada sesebuah organisasi.
52. Sebagai pekerja pula, kita dituntut untuk **melaksanakan semua perubahan** yang ditetapkan. Justeru, kita perlu berusaha untuk **memahami sebarang perubahan** baharu, **meneroka alternatif** baharu dalam menyelesaikan tugas, **mengaplikasi semua kaedah baharu** yang digunakan, serta **mematuhi semua ketetapan peraturan**. Dengan mematuhi prinsip H.E.M.A.T. ini, segala objektif dan hala tuju sesebuah organisasi itu akan terlaksana dengan jayanya.

53. Untuk makluman semua, nilai-nilai H.E.M.A.T. **menghubungkan secara kemanusiaan antara pemimpin dan pekerja**. Hubungan ini dapatlah kita ibaratkan sebagai “**menyeberangi jambatan emas**” yang bermaksud secara bersama-sama berjuang demi membawa kebahagiaan kepada nusa dan bangsa.
54. Justeru, bagi **memenuhi aspirasi pemegang taruh dan kehendak pelanggan**, terdapat enam (6) perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pemimpin dan pekerja. Kita perlu sentiasa **mengutamakan keperluan dan kehendak** semasa, agar selari dengan agenda negara. Segala pelaksanaan tugas kita perlu berteraskan kepada **integriti dan akauntabiliti**. Kita perlu mengamalkan **tadbir urus baik**. Bertepatan dengan Hasrat Kerajaan untuk meringankan beban kewangan rakyat, kita seharusnya cekap dalam melaksanakan segala perancangan inisiatif.
55. Dalam menterjemahkan hasrat Kerajaan, janganlah kita lupa akan **nilai-nilai murni**, serta pelaksanaan tindakan secara **efektif dan efisien**. Untuk mengatasi masalah silo, kita seharusnya memikirkan **kaedah yang lebih mudah untuk berkongsi maklumat** kepada pelanggan. Dan yang terakhir, segala keputusan yang kita lakukan mestilah berpandukan kepada **fakta dan data yang sah**.

APRESIASI TERHADAP WANITA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

56. Bertepatan dengan program kita pada hari ini, saya mengambil peluang ini untuk mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita dalam sektor awam. Hal ini kerana, lebih daripada **60 peratus Penjawat Awam kini disandang oleh wanita**. Berdasarkan data JPA sehingga 31 Disember 2023, **42 peratus (iaitu seramai 933 orang) Penjawat Awam wanita** menggalas peranan pembuat Keputusan iaitu **Gred JUSA C dan ke atas**.
57. Sementelah lagi, statistik ini amat bertepatan dengan apa yang digariskan oleh **Dasar Wanita Negara 1989**, yang berfokus kepada **pembangunan dan pengupayaan wanita**, mengangkat **kepentingan wanita dalam perancangan dan pembangunan negara**, dan **mengintegrasikan wanita dalam semua sektor pembangunan negara**.
58. Jelaslah di sini, peranan wanita sememangnya sangat besar dalam menggerakkan segala agenda negara. Malah, saya cukup yakin bahawa dasar-dasar semasa seperti **Malaysia MADANI**, "**The G.R.E.A.T. Civil Service**" dan **H.E.M.A.T.** akan dapat **dijayakan melalui sumbangan wanita**. Saya juga difahamkan, program pada hari ini akan turut melancarkan buku **Legasi Kepimpinan Wanita** yang merupakan salah satu bukti **apresiasi masyarakat terhadap kaum wanita**.

RUMUSAN DAN PENUTUP

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato'/Dr./Tuan/Puan sekalian,

59. Sebagai **takeaway note** pada hari ini, semua Penjawat Awam perlulah sentiasa **mendukung agenda negara**. Kita seharusnya berusaha untuk **meningkatkan kualiti perkhidmatan** dengan **mengoptimumkan sumber, beradaptasi dengan perubahan, memperkukuh integriti, menambah baik tatakelola** dan meningkatkan **kompetensi diri**.
60. Perkongsian saya mengenai H.E.M.A.T. bukanlah suatu retorik, tetapi lebih berperanan sebagai katalis bagi memperkukuhkan imej dan kualiti Perkhidmatan Awam. Perlu kita ingat, **Malaysia MADANI** merupakan **hala tuju negara**, "**The G.R.E.A.T. Civil Service**" pula merupakan **mekanisme bagi menjayakannya**. Manakala, **H.E.M.A.T.** adalah **nilai-nilai yang perlu disemat** kepada setiap individu yang akan menggerakkannya.
61. Saya berdoa dan mengharapkan agar kita semua dapat memainkan peranan masing-masing sebagai usaha kita untuk meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam ke tahap yang lebih tinggi lagi. Insyaallah!

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- TAMAT -

(3,070 patah perkataan tidak termasuk salutasi)